

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN
HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]
TARIKH : 19.06.2014 (KHAMIS)

DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan antara NKRA dalam Program Transformasi Kerajaan yang penting ialah NKRA Menangani Kos Sara Hidup. Sejauh mana NKRA ini telah berjaya memperbaiki kualiti hidup rakyat Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

NKRA yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah membolehkan rakyat mendapatkan barangan tertentu pada harga yang lebih rendah dari pasaran. Keadaan ini sudah tentu akan meningkatkan kualiti hidup bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana serta menangani beban kos sara hidup yang meningkat.

Sebanyak 5 inisiatif dilaksanakan oleh KPDNKK iaitu:

1. Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M);
2. Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M);
3. Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M);
4. Kedai Optikai Rakyat 1Malaysia (KOR1M); dan
5. Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KDS1M).

Kedai Rakyat 1 Malaysia atau **KR1M** merupakan alternatif kepada masyarakat untuk memperolehi barangan keperluan asas pada harga yang lebih rendah. Sehingga 29 Mei 2014, sebanyak **131 buah kedai** telah beroperasi di seluruh negara. KR1M menawarkan sebanyak **378 produk berjenama 1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR)** pada kadar harga yang lebih rendah **sehingga 50 peratus** berbanding barangan sama yang berjenama.

Menu Rakyat 1 Malaysia atau **MR1M** merupakan inisiatif bagi membolehkan masyarakat memperolehi makanan pada harga rendah. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pengusaha-pengusaha premis makanan seperti kantin, restoran, gerai dan kafeteria termasuklah di Institusi Pengajian Tinggi dan hospital Kerajaan. MR1M menawarkan pakej **sarapan pagi sebanyak RM2.00** dan **RM4.00 bagi makan tengahari**. Bagi negeri **Sabah dan Sarawak**, harga yang ditetapkan adalah sebanyak **RM2.50 bagi sarapan pagi** dan **RM5 bagi makan tengahari**. Sehingga 29 Mei 2014, sejumlah **4,517 premis** makanan telah menyertai MR1M.

Kedai Kain Rakyat 1Malaysia atau **KKR1M** yang menjual **sebanyak 219 jenis pakaian dan tekstil pada harga 10% hingga 70% lebih murah** daripada barangan yang sama kualiti. Sehingga 29 Mei 2014, sebanyak **23 buah KKR1M** telah beroperasi di seluruh negara.

Kedai Optikal Rakyat 1Malaysia (KOR1M) menawarkan pakej kaca mata (bingkai dan lensa) pada harga antara **RM70-RM100** sepasang termasuk perlindungan insurans ke atas kaca mata yang dibeli. Sehingga 29 Mei 2014, sebanyak **121 buah KOR1M** telah beroperasi di seluruh negara.

Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) diwujudkan oleh KPDKK dengan objektif untuk membantu meringankan

perbelanjaan siswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta seluruh negara. KADS1M diberi secara percuma kepada pelajar-pelajar IPT yang menepati kriteria-kriteria berikut:

- **Mengikuti pengajian jangka panjang yang tempoh masanya 1 tahun dan ke atas (sijil, diploma, ijazah dan ke atas);**
- **Warganegara Malaysia.**

Diskaun yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian adalah bagi pembelian barangan dan perkhidmatan terpilih dan tertakluk kepada **kadar, terma serta syarat** yang ditetapkan oleh syarikat masing-masing.

Justeru itu, melalui inisiatif-inisiatif ini, Kerajaan komited untuk mengurangkan beban perbelanjaan rakyat, terutamanya golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. Ini sudah tentu akan memperbaiki dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup golongan tersasar agar dapat menikmati kesejahteraan hidup.